

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Jabatan Keselamatan
Sent: Thursday, 6 April, 2017 12:10 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: KONVENSYEN KESELAMATAN UNIVERSITI 2017



Jabatan Keselamatan
SECURITY DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia



“MUAFAKAT KEDAH”

6 APRIL 2017 / 12 REJAB 1438H

=====

KONVENSYEN KESELAMATAN UNIVERSITI 2017



KESL ONLINE: Sempena Konvensyen Keselamatan Universiti 2017 anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor, Jabatan Keselamatan telah menghantar seramai 11 orang staf dan anggota bagi menyertai program yang berlangsung dari 3 – 6 April 2017. Konvensyen ini meliputi Kursus Menangani Perhimpunan Aman Dalam Kampus, Bengkel Pengurusan Sumber Manusia Skim KP, Pertandingan Kawad Bomba pada 5 April 2017.

Pada 5 April 2017, 8 orang anggota Jabatan Keselamatan UUM akan menyertai pertandingan Kawad Bomba di Padang Kawad UTHM yang mana turut disertai oleh 10 buah Jabatan Keselamatan IPTA Malaysia. Pasukan Jabatan Keselamatan UUM diketuai oleh Pegawai Keselamatan Lt. Kol. Hj. Musa Bari dengan ahli terdiri dari seorang Penolong Pegawai Keselamatan En. Mazlan Ismail dan 6 orang Pengawal Keselamatan iaitu En. Nazari bin Ahmad, En. Majid bin Hashim, En. Aznan bin Mohamad, En. Mohamad Yusri bin Mustafa, En. Muhammad Saifullah bin Mustapha dan En. Muhammad Kamarul bin Shafii.

Manakala pada sebelah petangnya Pengarah Keselamatan, Yang Berusaha Tuan DSP/KS Mohd Zulkifli bin Mohd Noor akan menghadiri Mesyuarat Majlis Pengarah Keselamatan Bil. 1/2017 di Hotel Pine Tree, Batu Pahat, Johor.

Seterusnya Majlis Makan Malam bertempat di Dewan Bankuet/Dewan Sultan Ibrahim UTHM akan diadakan Pelancaran Laman Sesawang MPKUA, Taklimat Sistem Keselamatan oleh Pempamer dan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kawad Bomba.

Konvensyen Keselamatan 2017 yang berlangsung di Dewan Sultan Ibrahim UTHM akan dirasmikan oleh YBhg Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi pada 6 April 2017. Program pada hari tersebut dipenuhi dengan aturcara Demonstrasi Menangani Perhimpunan Aman oleh peserta kursus.

Seterusnya diadakan Forum Pengurusan Aktiviti/Gerakan Pelajar Luar Kampus yang dipengerusikan oleh Pengarah Keselamatan UMS dengan panel yang terdiri dari Pegawai Cawangan E2M Bukit Aman, Pengarah Pembangunan Pelajar KPT dan Pegawai Undang-Undang UTM pada sebelah pagi. Disusuli dengan ceramah Penghayatan Agama Dalam Perkhidmatan Keselamatan oleh YB Dato' Nooh bin Gadut, Ahli Lembaga Pengarah UTHM.

Pada sebelah petang Forum Pengurusan Pelajar/Pekerja Bukan Warga Negara berlangsung dipengerusikan oleh Pengarah Keselamatan UNIMAS dengan ahli panel terdiri daripada Pengarah Imigresen Johor dan Pegawai Majlis Keselamatan Negara.

Majlis penutup di jangka akan berlansung pada jam 5.00 petang selepas rumusan konvensyen.

"KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

JABATAN KESELAMATAN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Telefon : 04-928 3333 / 2416

Fax : 04-928 2424

E-Mel : security@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.